

## Kata Sendi Nama

Kata sendi adalah kata yang berfungsi sebagai penghubung yang menghubungkan frasa nama dengan kata-kata atau frasa-frasa lain dalam ayat. ianya memainkan peranan penting dalam membentuk struktur ayat dan membolehkan ayat-ayat menjadi lebih teratur dan bermakna.



Kata sendi nama	Penggunaan	Contoh ayat
di	Menunjukkan tempat	Azman bersekolah <b>di</b> Smk Jalan Damai
ke	Menunjukkan arah, tempat dan masa	1. Mei Chin pergi <b>ke</b> sekolah. 2. Dia hendak pergi <b>ke</b> Melaka pada bulan hadapan

dari	Digunakan untuk tempat dan masa	3. Ali mengulang kaji pelajaran <b><u>dari</u></b> pukul 10 pagi. 4. Zaim berasal <b><u>dari</u></b> Kedah.
pada	Menunjukkan tempat bagi perbuatan atau masa	5. Siti menulis <b><u>pada</u></b> papan tulis. 6. Kami akan bertolak <b><u>pada</u></b> pukul 5.00 petang. 7. Nabil melukis mural <b><u>pada</u></b> dinding sekolah.
kepada	Digunakan sebelum kata nama	8. Johan memberikan buku itu <b><u>kepada</u></b> rakannya. 9. Pasukan Pengakap dibahagikan <b><u>kepada</u></b> dua kumpulan
daripada	Tempat datangnya sesuatu.  Untuk memberi perbandingan	10. Kerusi itu diperbuat <b><u>daripada</u></b> kayu. 11. Ramesh lebih tinggi <b><u>daripada</u></b> adiknya.

## Latihan kata sendi nama

### Garis kata sendi nama yang betul.

1. Baju itu (di / pada) dalam almari.
2. Ahmad berjalan (ke / kepada) perhentian bas.
3. Kucing itu melompat keluar (dari / daripada) tingkap.
4. Buku ini (pada / untuk) Cikgu Fauziah.
5. Rama-rama hinggap (pada / di) bunga.
6. Ayu dan adiknya (ke / kepada) taman permainan.
7. (Di / Pada) hujung minggu, kami pulang ke kampung.
8. Pasukan pengakap dibahagikan (pada / kepada) dua kumpulan.
9. Kapal terbang Malaysia Airlines telah berlepas (daripada / dari ) Taiwan menuju ke Malaysia.
10. Tabung yang unik itu diperbuat (daripada / kepada) tempurung kelapa.

### Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang sesuai.

pada	kepada
di	dari
ke	
daripada	

1. Encik salim pergi \_\_\_\_\_ pejabat dengan kereta.
2. Ibu menyiram bunga \_\_\_\_\_ setiap petang.
3. Kasut itu \_\_\_\_\_ bawah kerusi.
4. Cikgu Azizi memberikan buku itu \_\_\_\_\_ Fahmi.
5. Munirah lebih tinggi \_\_\_\_\_ kakaknya.
6. Encik Chew Boon berasal \_\_\_\_\_ Perak.